

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : WISMA PUTRA
Tarikh : 9 JULAI 2004
Tajuk : UCAPAN MENGENAI DASAR LUAR NEGARA SEMPENA LAWATAN
PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN WANITA ISLAM KE
KEMENTERIAN LUAR NEGERI

YB Datuk Salang Gandum, Timbalan Menteri Luar Negeri,

Y.Bhg Dato' Haji Salim Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha I,

YBhg Dato' Kamalia Dato' Ibrahim, Pengerusi Majlis Perunding

YB Senator Toh' Puan Wan Asiah Wan Ahmad

Prof. Datuk Dr. Nik Safiah Karim

Wanita Islam Malaysia,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum wbt.

Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin Nya dapatlah kita berjumpa di majlis ini di pagi yang mulia ini.

Saya amat mengalu-alukan kedatangan rombongan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam ke Wisma Putra di Putrajaya. Saya difahamkan rombongan ini terdiri daripada wakil berbagai pertubuhan dalam negara.

Kami semua di Wisma Putra berbesar hati menerima kunjungan ini dan berharap melalui penerangan dan perbincangan yang akan diadakan sebentar lagi, para tetamu kita mendapat gambaran yang jelas mengenai peranan Kementerian Luar Negeri dan bagaimana Pertubuhan Bukan Kerajaan boleh berganding bahu dalam menjaga kepentingan negara terutama di arena antarabangsa.

Tuan-tuan/Puan-puan,

Secara amnya, asas Dasar luar negeri Malaysia adalah lanjutan kepada polisi domestik negara, yang disediakan untuk melindungi dan mempromosikan kepentingan Malaysia dari segi politik, keamanan, ekonomi, keselamatan dan kepentingan-kepentingan lain. Polisi-polisi luar kita adalah berdasarkan kepada prinsip menghormati kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah negara dan sempadan dan tidak campurtangan dalam hal-ehwal negara-negara lain. Kita juga mendokong prinsip penyelesaian sengketa serta kewujudan bersama secara aman dan saling

memberi faedah yang sama rata kepada semua pihak dalam hubungan luar kita dengan negara-negara asing atau pun di dalam konteks hubungan pelbagai hala. Yang jelasnya, kita mahu berbaik-baik dengan semua negara.

Polisi dan pelaksanaan dasar luar negeri kita juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti geografi, sejarah, sosial dan politik. Pengaruh alam sekitar dan perhubungan global semasa yang berlaku di sekeliling kita juga adalah semakin penting. Ini menjadi lebih ketara dengan peningkatan globalisasi dan revolusi ICT. Namun, apa jua pengaruh dan faktor yang kita ambil untuk membentuk polisi luar negara, objektif kita tetap sama, iaitu menjaga kepentingan Malaysia sepertimana yang saya nyatakan sebentar tadi. Perlu juga dinyatakan bahawa dalam menangani pelaksanaan dasar luar kita, penyesuaian juga dilakukan mengikut keadaan semasa tanpa mendatangkan implikasi negatif terhadap pencapaian matlamat negara. Yang menjadi asas utama adalah dasar luar kita adalah satu dasar yang berprinsip dan pragmatik.

Tuan-tuan/Puan-puan,

Semenjak menjadi Menteri Luar, yang kini telah memasuki ke tahun ke-6, saya berani menyatakan bahawa sebagai sebuah negara membangun, yang mempunyai penduduk berbilang bangsa, kita telah dapat menzahirkan satu dasar luar yang kukuh dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa. Justeru itu, tindakan dan perlakuan kita di arena antarabangsa sentiasa mendapat perhatian ramai, malahan, tidak keterlaluan kalau saya katakan disini, bahawa banyak negara-negara membangun yang lain kagum dengan ketegasan dan kebolehan Malaysia memperjuangkan tidak sahaja hak negara sendiri tetapi secara tak langsung kepentingan negara-negara membangun yang lain. Mungkin adakalanya, dalam menangani sesuatu isu, kita bersuara dengan agak lantang sehingga dikritik. Namun, kita semua tahu, Malaysia tidak pernah serik berjuang dan kita berjaya mempertahankan pendirian kita.

Tuan-tuan/Puan-Puan,

Dalam keadaan dunia yang sentiasa bergolak dan dengan timbulnya berbagai isu baru yang perlu ditangani, kita tidak boleh leka. Kita di Wisma Putra sentiasa memantau perkembangan di peringkat antarabangsa dan menganalisa maklumat-maklumat yang di perolehi bagi membantu kerajaan membuat langkah yang bersesuaian bila berhadapan dengan sesuatu isu atau masalah. Dalam hubungan ini, adalah penting untuk kita meningkatkan kesedaran masyarakat tentang dasar luar negara.

Dengan kesedaran ini, rakyat akan faham apabila kerajaan mengambil sesuatu tindakan terhadap sesuatu perkara. Bagi saya, sebagai Menteri Luar Negeri, kefahaman rakyat terhadap pelaksanaan dasar luar, boleh membantu melicinkan lagi tugas-tugas saya. Tambahan pada masa kini, dengan berbagai cabaran dan isu yang timbul, sokongan padu rakyat dari berbagai pihak adalah mustahak. Umpamanya, sebagai sebuah negara Islam, yang kini dipertanggungjawabkan sebagai Pengerusi

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM), banyak tanggungjawab yang perlu saya lakukan di peringkat antarabangsa di samping tugas lain di dalam konteks hubungan duahala.

Tuan-tuan/Puan-Puan,

Kita perlu merasa bangga iaitu di Malaysia, usaha untuk memastikan penglibatan kaum wanita dalam pembangunan negara bermula sejak negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ini jelas apabila kerajaan menyediakan peluang pendidikan kepada wanita dan seterusnya membuka peluang kepada penglibatan wanita dalam pelbagai pertubuhan sukarela, kebajikan dan politik. Kini, kaum wanita di Malaysia telah mencapai pelbagai pencapaian yang boleh dibanggakan, seperti apabila kita dapat melihat wanita memegang jawatan penting seperti Menteri Kabinet, Gabenor Bank Negara Malaysia, Ahli Parlimen, Duta Besar, Ketua Setiausaha Kementerian dan banyak lagi. Tambahan lagi, dengan pelaksanaan Pelan Tindakan bagi Kemajuan Wanita, pihak Kerajaan akan terus memastikan bahawa strategi dan program yang dilaksanakan adalah selaras dengan nilai, kepercayaan agama dan norma kebudayaan Malaysia.

Kini, kaum wanita di Malaysia juga berpeluang untuk memperluaskan pengaruh mereka di persada dunia. Namun apa jua pendekatan yang ingin diambil, perlulah disesuaikan berdasarkan dasar Kerajaan. Penglibatan Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti dalam memberi bantuan kemanusiaan di luar negeri seperti di Iraq, Bosnia dan lain-lain tempat yang memberi imej yang sangat positif kepada negara hendaklah dilakukan di dalam rangka dasar luar negara kita.

Tuan-tuan/Puan-Puan,

Bagi pihak saya dan Kementerian Luar Negeri, kami bersedia membantu Badan Bukan Kerajaan Wanita Islam di dalam meningkatkan lagi penglibatan kaum wanita di dalam program-program antarabangsa, terutamanya dalam hal-hal berkaitan:

- Penyertaan kaum wanita di dalam usaha pembangunan;
- Memenuhi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan dan meningkatkan mobiliti penghidupan ke peringkat yang lebih tinggi;
- Mempertingkatkan penglibatan kaum wanita dalam perniagaan/perdagangan, terutama di peringkat global;
- Memperkukuhkan aktiviti penyelidikan bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam pembangunan dan kesejahteraan mereka; dan
- Memperkukuhkan jentera negara dan keupayaan institusi bagi kemajuan wanita.

Apa yang saya nyatakan di atas, bukanlah merangkumi semua bidang. Ianya lebih daripada itu. Dan saya percaya kaum wanita Malaysia pada masa kini, telah berkecimpung di dalam berbagai-bagai bidang yang tidak dinyatakan di atas. Oleh yang demikian, bak kata pepatah "tepek dada tanya selera" , dan apa yang penting, sebelum melaksanakan sesuatu, kita perlu bersiap sedia untuk menerima dan

menghadapi cabaran di dalam era globalisasi masa kini. Sekiranya perlu bagi kaum wanita untuk keluar negara, maka perlulah tindakan yang sewajarnya dibuat kerana kerajaan juga menggalakkan rakyat Malaysia untuk mengambil peluang di luar negara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi ingin saya menegaskan bahawa pintu Wisma Putra sentiasa terbuka kepada semua. Meskipun saya sentiasa sibuk dengan tugas-tugas di luar negeri, saya akan cuba meluangkan masa untuk berjumpa dengan semua dari masa ke semasa. Kita sama-sama mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk memancu negara kearah kecemerlangan, gemilang dan terbilang.

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.